

Orang ramai bertempiaran lari dalam insiden letupan ketika sambutan Thaipusam

34 jadi mangsa letupan mercun

Oleh AFIQ AL-HAFIZ MAT YUSOF

KUALA LUMPUR – Sambutan perayaan Thaipusam di Batu Caves di sini kelmarin dicemari dengan insiden letupan mercun sehingga mengakibatkan 34 pengunjung cedera.

Kejadian pada pukul 8:40 malam di atas jambatan persimpangan bertingkat Jalan Lingkaran Tengah (MRR2) berhampiran Kuil Sri Subramania itu turut menyebabkan tiga kendaraan rosak.

Difahamkan, kejadian letupan mercun tersebut dipercayai dilakukan seorang lelaki warga tempatan berusia 23 tahun yang datang ke kuil berkenaan bersama dua rakannya bagi upacara keagamaan.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Samsor Maarof



TIGA individu dipercayai membakar mercun sehingga menyebabkan letupan dekat Batu Caves kelmarin.



KEADAAN mercun yang terbakar sebelum meletup dan mencederakan 34 pengunjung.



SALAH sebuah kereta yang mengalami kerosakan akibat terkena letupan mercun.

berkata, suspek telah membakar mercun tersebut sebelum tiba-tiba meletup.

"Mercun tersebut sepatutnya meletup di udara, namun ia telah meletup di atas jalan raya sehingga serpihan letupan mengejutkan orang ramai yang berada berhampiran."

"Hasil laporan awal, 34 individu disahkan cedera

manakala tiga kendaraan yang rosak ialah Nissan Serena, Proton Exora dan Perodua Myvi," katanya pada sidang akhbar di Pondok Polis Batu Caves di sini semalam.

Katanya, sejurus kejadian, pihaknya telah menahan seorang lelaki yang dipercayai membakar mercun berkenaan.

"Kita turut menahan

seorang rakannya yang berusia 28 tahun pada pukul 1 pagi bagi membantu siasatan dan usaha mengesan seorang lagi rakan mereka sedang giat dijalankan," jelasnya.

Tambah Samsor, siasatan mendapati kejadian tersebut tidak membabitkan isu khianat sebaliknya merupakan insiden yang berlaku secara spontan

kerana suspek membakar mercun adalah untuk meraikan sambutan Thaipusam," jelasnya.

Beliau turut memberitahu, enam mangsa yang cedera telah dihantar ke Hospital Selayang, Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Sungai Buloh.

"28 lagi individu telah dihantar ke Klinik Kesihatan Sementara di Batu Caves

untuk rawatan lanjut.

"Kesemua mangsa dilaporkan stabil dan kita sedang menunggu laporan perubatan bagi mengetahui kecederaan mereka," ujarnya.

Tambah Samsor, pihaknya tidak pernah mengeluarkan sebarang permit bagi pembakaran mercun atau bunga api pada sambutan Thaipusam.